



KERTAS KONSEP

KEJOHANAN MERENTAS DESA

MSSD PADANG TERAP

KALI KE-17, TAHUN 2025

Disediakan oleh:

AHMAD SHAFIE BIN GHAZALI

Pengerusi Teknik dan Pembangunan Sukan Merentas Desa MSSD Padang Terap 2025



PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PADANG TERAP

KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD PADANG TERAP KALI KE-17, TAHUN 2025

KERTAS KONSEP

1. NAMA KEJOHANAN
2. TARIKH, TEMPAT dan MASA KEJOHANAN
3. PERATURAN KEJOHANAN
4. HADIAH/SIJIL
5. PEMILIHAN PESERTA MSSD PADANG TERAP
6. KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSK
7. HAL – HAL LAIN

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PADANG TERAP
UNIT SUKAN, MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH PADANG TERAP

1. NAMA KEJOHANAN

Kejohanan Merentas Desa MSSD Padang Terap Kali Ke-17, Tahun 2025

2. TARIKH/HARI/MASA/TEMPAT

Tarikh : 12 APRIL 2025
Hari : Sabtu
Masa : 8.00 pagi
Tempat : SK KUBANG PALAS

3. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

3.1. Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan AM Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan Pertandingan Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM)

4. JENIS PERTANDINGAN

4.1. Pertandingan akan diadakan secara **individu** dan **berpasukan**

5. KATEGORI PENYERTAAN, HAD UMUR PESERTA DAN JARAK LARIAN

5.1. Jarak larian

BIL	KATEGORI DAN HAD UMUR PESERTA	JARAK LARIAN
1	BAWAH 18 TAHUN LELAKI (18L) (Tidak lebih 18 tahun pada 01.01.2025)	8KM
2	BAWAH 15 TAHUN LELAKI (15L) (Tidak lebih 15 tahun pada 01.01.2025)	6KM
3	BAWAH 12 TAHUN LELAKI (12L) (Tidak lebih 12 tahun pada 01.01.2025)	4KM
4	BAWAH 18 TAHUN PEREMPUAN (18P) (Tidak lebih 18 tahun pada 01.01.2025)	6KM
5	BAWAH 15 TAHUN PEREMPUAN (15L) (Tidak lebih 15 tahun pada 01.01.2025)	6KM
6	BAWAH 12 TAHUN PEREMPUAN (12L) (Tidak lebih 12 tahun pada 01.01.2025)	4KM
7	BAWAH 19 TAHUN (PPKI) LELAKI (19L) (Tidak lebih 19 tahun pada 01.01.2025)	6KM
8	BAWAH 15 TAHUN (PPKI)LELAKI (15L) (Tidak lebih 15 tahun pada 01.01.2025)	4KM
9	BAWAH 12 TAHUN LELAKI (PPKI) (12L) (Tidak lebih 12 tahun pada 01.01.2025)	4KM
10	BAWAH 19 TAHUN (PPKI) PEREMPUAN (19P) (Tidak lebih 19 tahun pada 01.01.2025)	4KM
11	BAWAH 15 TAHUN PEREMPUAN (PPKI) (15P) (Tidak lebih 15 tahun pada 01.01.2025)	4KM
12	BAWAH 12 TAHUN PEREMPUAN (PPKI) (12P) (Tidak lebih 12 tahun pada 01.01.2025)	4KM

- 5.2. Seseorang peserta dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kumpulan umur sahaja bagi satu jenis pertandingan dalam masa yang sama. Peserta tidak dibenarkan menyertai pertandingan dalam kumpulan umur yang lebih tinggi daripada kumpulan umurnya.
- 5.3. Semua peserta hendaklah bersedia menunjukkan kad pengenalan /salinan sijil kelahiran yang disahkan oleh Guru Besar/ Penolong Kanan sekolah peserta berkenaan sekiranya ada bantahan.

6. PETA LALUAN

- 6.1. Seperti lampiran

7. PENDAFTARAN PESERTA

- 7.1. Setiap sekolah dikehendaki mendaftar satu pasukan sahaja bagi setiap kategori pertandingan.
- 7.2. Setiap sekolah dibenarkan mendaftar **LIMA (5)** orang peserta sahaja bagi setiap kategori.
- 7.3. Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada Borang Pendaftaran Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan mestilah disahkan oleh Guru Besar atau Pengetua Sekolah masing-masing.
- 7.4. Setiap sekolah bertanggungjawab untuk memastikan setiap peserta yang didaftarkan sihat dan berkemampuan untuk menyertai pertandingan ini. Semua peserta diwajibkan membawa surat deklarasi kesihatan yang disahkan oleh waris/penjaga.
- 7.5. Borang penyertaan yang telah lengkap dicetak beserta dengan salinan kad pengenalan, surat beranak/My Kid dan borang MDI/ROI yang disahkan hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa pendaftaran pada hari kejohanan. Sebarang permasalahan berkenaan sistem pendaftaran online perlu dirujuk kepada jawatankuasa data, statistik dan keputusan Kejohanan Merentas Desa MSSD Padang Terap 2025 di talian
WhatsApp : 017 5468910
Telegram : 017 5468910
Email : datasmknaka@gmail.com
- 7.6. Tarikh tutup penyertaan dalam sistem online ialah pada 10 APRIL 2025 jam 11.00 pagi

8. KELAYAKAN PESERTA

- 8.1. Pelajar-pelajar yang bersekolah sepenuh masa di sekolah kerajaan, sekolah agensi kerajaan lain dan sekolah swasta yang berdaftar dengan MSSK adalah layak menyertai kejohanan ini.
- 8.2. Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia tidak layak menyertai kejohanan ini.

9. PENSKORAN PERTANDINGAN BERPASUKAN

- 9.1. Hanya pencapaian terbaik **EMPAT (4)** peserta yang menamatkan larian akan dikira untuk menentukan kedudukan pasukan.
- 9.2. Pasukan yang mendapat **agregat (mata) terendah** akan diistiharkan sebagai pemenang.
- 9.3. Jika berlaku seri, kedudukan peserta tempat **KEEMPAT** terbaik akan diambil kira.

10. PENENTUAN JUARA KESELURUHAN

- 10.1. Juara keseluruhan adalah berdasarkan kepada jumlah agregat (mata) yang terendah yang dikumpul daripada 4 kategori penyertaan bagi sekolah Menengah dan 2 kategori penyertaan bagi sekolah Rendah.
- 10.2. Jika berlaku seri, pasukan yang mendapat bilangan Johan terbanyak akan diiktiraf sebagai pemenang.
- 10.3. Jika berlaku seri lagi, tempat kedua dan berikutnya akan di ambil kira sebagai pemenang.

11. NOMBOR PESERTA

- 11.1. Setiap peserta hendaklah memakai sepasang nombor di depan dan di belakang baju peserta dan disematkan dengan pin pada keempat-empat penjuru kain nombor.
- 11.2. Setiap sekolah dikehendaki menyediakan kain nombor masing-masing. Kod nombor dan warna kain adalah seperti berikut:

BIL	SEKOLAH	HURUF	KATEGORI			
			18L	18P	15L	15P
			HIJAU	BIRU	KUNING	MERAH
SEKOLAH MENENGAH						
1	SMK KUALA NERANG	G	11-15	16-20	21-25	26-30
2	SMK PEDU	K	11-15	16-20	21-25	26-30
3	SMK DATO' SYED AHMAD	L	11-15	16-20	21-25	26-30
4	SMK LUBOK MERBAU	S	11-15	16-20	21-25	26-30
5	SMK NAKA	V	11-15	16-20	21-25	26-30
6	SMK PADANG TERAP	X	11-15	16-20	21-25	26-30
7	SMK AGAMA DARIL IKTISAM	Y	11-15	16-20	21-25	26-30
8	SMA AL-KHAIRIAH	AC	11-15	16-20	21-25	26-30
9	SMA AS-SIDDIQIAH	AD	11-15	16-20	21-25	26-30
10	MAKTAB MAHMUD PADANG TERAP	AF	11-15	16-20	21-25	26-30
11	SABK ISLAMIAH LUBOK MERBAU	AG	11-15	16-20	21-25	26-30
SEKOLAH RENDAH / KEBANGSAAN						
			12L		12P	
			UNGU		JINGGA	
1	SK BUKIT TEMBAGA	A	31-35		36-40	
2	SK DATIN FATIMAH	B	31-35		36-40	
3	SK KAMPUNG BELUKAR	C	31-35		36-40	
4	SK KUALA NERANG	D	31-35		36-40	
5	SK KUBANG PALAS	E	31-35		36-40	
6	SK KURUNG HITAM	F	31-35		36-40	
7	SK LAMDIN	H	31-35		36-40	
8	SK LUBOK MERBAU	I	31-35		36-40	
9	SK NAKA	J	31-35		36-40	
10	SK NAMI	M	31-35		36-40	
11	SK PADANG SANAI	N	31-35		36-40	
12	SK PADANG TERAP	O	31-35		36-40	
13	SK PANGLIMA AWANG	P	31-35		36-40	
14	SK PEDU	Q	31-35		36-40	
15	SK PERIK	R	31-35		36-40	
16	SK SERI BAKTI	T	31-35		36-40	
17	SK TANDOP BESAR	U	31-35		36-40	
18	SK TOH PUAN SHARIFAH HANIFAH	W	31-35		36-40	

19	SK TUALAK	Z	31-35	36-40
20	SK TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA	AA	31-35	36-40
21	SJK (C) KUO HUA	AB	31-35	36-40
22	SRI AL - KHAIRIAH	AC	31-35	36-40

12. PAKAIAN

- 12.1. Peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan semasa majlis penyampaian hadiah.

13. PEMBATALAN PESERTA

- 13.1. Peserta-peserta yang tidak lengkap tanda-tanda pengenalan/pengesahan larian yang akan dinyatakan semasa taklimat akan dibatalkan penyertaannya

14. BANTAHAN

- 14.1. Sebarang bantahan hendaklah di buat dengan mematuhi prosedur peraturan 147 KOM.
14.2. Bantahan mengenai keputusan hendaklah dilakukan dalam masa **30 minit** selepas keputusan rasmi diumumkan.
14.3. Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mestilah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM300.00 (Tiga Ratus Ringgit Sahaja).**

15. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 15.1. Jawatankuasa pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan ini dan Peraturan AM MSSK/MSSM dan undang-undang KOM.
15.2. Jawatankuasa pengelola tidak bertanggungjawab di atas kemalangan dan kehilangan harta benda kepunyaan peserta dan pegawai semasa pertandingan dijalankan.
15.3. Walau bagaimanapun, Pihak pengelola berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan peserta dan pegawai terjamin semasa pertandingan ini di jalankan.

16. SUMBANGAN PERTANDINGAN

- 16.1. Sumbangan pertandingan dikenakan kepada semua pasukan yang bertanding sebanyak **RM60.00** bagi setiap kategori yang dipertandingkan. (2 kategori SK/SJK dan 4 kategori SMK/SMA)
16.2. Sumbangan **RM10.00** per kepala dikenakan bagi kategori PPKI.

17. HADIAH DAN SIJIL

- 17.1 Individu
17.1.1 Medat dan Sijil Pemenang disediakan bagi **JOHAN** hingga tempat ke-**15** bagi setiap kategori yang dipertandingkan.
17.2 Berpasukan
17.2.1 3 hadiah disediakan bagi Johan keseluruhan setiap kategori yang dipertandingkan iaitu bawah 12, 15 & 18 tahun.
17.3 Keseluruhan
17.3.1 Piala disediakan bagi Johan Keseluruhan Sekolah Menengah dan Sekolah Kebangsaan
17.4 Sijil Penyertaan
17.4.1 Sijil Penyertaan disediakan bagi semua peserta yang mengambil bahagian

18. PEMILIHAN PESERTA MEWAKILI MSSD PADANG TERAP

18.1 Cara Pemilihan

- 18.1.1 **Tempat Pertama hingga tempat Kelima (SMK & SK)** akan dipilih untuk menjalani latihan pusat MSSD dan dipilih mewakili MSSD Padang Terap ke Kejohanan Merentas Desa MSSK
- 18.1.2 Hanya peserta **yang bertanding** sahaja akan dipilih untuk mewakili kontinjen daerah ke pertandingan mssk
- 18.1.3 Sekiranya terdapat peserta yang menduduki tempat pertama hingga ke-5 dalam setiap kategori yang dipertandingkan **menarik diri** maka tempatnya akan digantikan dengan peserta yang menduduki **tempat ke-6 dan seterusnya** bagi setiap kategori.

19. KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSK

Tarikh : 19 APRIL 2025
Hari : SABTU
Masa : 8.00 PG
Tempat : STADIUM LADA, LANGKAWI

20. HAL – HAL LAIN

- 20.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 20.2 Selain daripada Pegawai-pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian **SESIAPAPUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**
- 20.3 Jawatankuasa tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta benda / sebarang kecederaan lain berlaku :
 - 20.3.1 Semasa perjalanan pergi dan balik dari penginapan ke tempat pertandingan
 - 20.3.2 Semasa kejohanan dijalankan
 - 20.3.3 Di dalam dan di luar kawasan pertandingan
- 20.4 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah.



KEJOHANAN MERENTAS DESA MSSD PADANG TERAP

KALI KE-17, TAHUN 2025

ATURCARA KEJOHANAN

MASA	AKTIVITI	CATATAN
7.30 – 8.00 PAGI	KETIBAAN PESERTA	
8.00 – 8.30 PAGI	BERKUMPUL DI TAPAK PERHIMPUNAN - SENAMAN PAGI - SENAMROBIK	TAPAK PERHIMPUNAN SK KUBANG PALAS
8.30 – 11.00 PAGI	KEJOHANAN BERMULA - 18 TAHUN LELAKI - 18 TAHUN PEREMPUAN - 15 TAHUN LELAKI - 15 TAHUN PEREMPUAN - 12 TAHUN LELAKI - 12 TAHUN PEREMPUAN - 15 TAHUN LELAKI(PPKI) - 19 TAHUN LELAKI(PPKI) - 15 TAHUN PEREMPUAN (PPKI) - 19 TAHUN PEREMPUAN(PPKI)	PELEPAS - TN KPPD - TN PPD PT
11.00 – 11.30 PAGI	PENAMAT	PADANG SK KUBANG PALAS
12.00 – 1.30 TENGAHARI	MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH - BAWAH 12 PEREMPUAN - BAWAH 12 LELAKI - 15 TAHUN LELAKI(PPKI) - 15 TAHUN PEREMPUAN (PPKI) - BAWAH 15 PEREMPUAN - BAWAH 15 LELAKI - 19 TAHUN PEREMPUAN(PPKI) - 19 TAHUN LELAKI(PPKI) - BAWAH 18 PEREMPUAN - BAWAH 18 LELAKI - JOHAN KATEGORI 15 TAHUN - JOHAN KATEGORI 18 TAHUN - JOHAN KESELURUHAN SEKOLAH RENDAH - JOHAN KESELURUHAN SEKOLAH MENENGAH - JOHAN KESELURUHAN (PPKI)	DEWAN TERBUKA SK KUBANG PALAS

#SEMUA PESERTA MESTILAH BERADA DALAM BARISAN SEKOLAH MASING MASING

#SEMUA PENERIMA HADIAH HENDAKLAH BERPAKAIAN KEMAS DAN BERKASUT

#SEMUA GURU DAN PEGAWAI MESTILAH BERADA DI DALAM DEWAN DAN DUDUK DI KERUSI YANG DISEDIAKAN

#KERJASAMA DARI SEMUA PIHAK DI DAHULUKAN DENGAN UCAPAN TERIMA KASIH